

Headline	Nando's Temui Bakat Seni Dalam Pertandingan Peri-fy Art Ke 6		
MediaTitle	Rapi		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	33,188
Page No	126	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	253 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,224
Frequency	Fortnight	PR Value	RM 6,673



Agenda 2

Teks: Norhayati Othman

Nando's Temui Bakat Seni Dalam Pertandingan Peri-fy Art Ke 6



Bertemakan 'Kepelbagaian', Nando's telah mengadakan pertandingan lukisan kali keenam dengan menerima penyertaan sebanyak 208 daripada 29 kolej dan universiti di Malaysia. *Peri-fy Art* adalah salah satu inisiatif seni tahunan yang dianjurkan oleh Nando's untuk mencari bakat-bakat seni di Malaysia.

Menurut Mac Chung Lynn, Ketua Pegawai Eksekutif Nando's Chickenland Malaysia dan Singapura, kebanyakan peserta pertandingan ini telah menunjukkan pemahaman yang betul tentang tema 'Kepelbagaian' dan tafsiran yang diberikan amat menakjubkan.

"Karya seni 10 pemenang dalam pertandingan ini akan dipamerkan di Nando's

Midvalley Megamall selama setahun," katanya.

Antara pemenang utama pertandingan ini ialah Nik Mohd Shazmie Nik Shairozi dari UiTM Perak dan Izzat Aziz dari ASWARA. Tempat kedua dimenangi oleh Lim Zee Chee, LimKokWing University of Creative Technology dan tujuh pemenang saguhati yang lain.

Semua karya seni telah diadili oleh panel hakim yang dilantik dari pelbagai latar belakang. Iaitu Low Ngai Yuen (pengarah, penerbit, aktivis teater serta ketua Kakiseni), Nora Murat (pengarah serantau International Planned Parenthood Federation (IPPF), Nani Kahar (perekah dan seni programmer Publika), Syed Nabil Syed Nahar (pengasas bersama NN Galeri) dan Mac Chung Lynn (Ketua Pegawai Eksekutif Nando's Chickenland Malaysia dan Singapura).